

EC bina kubu dagang: PM

3H 17 DEC 1991

KUALA LUMPUR. Isnin — Malaysia bimbang pembentukan pasaran tunggal Eropah tahun depan akan membentuk kubu perdagangan amat kukuh yang tidak boleh ditembusi negara lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata negara Kesatuan Eropah (EC) akan menjadi begitu kuat sehingga mereka berasa tidak perlu berdagang dengan negara di luar kesatuan itu.

"Kita mesti menghadapi kenyataan bahawa apabila sebuah persatuan ekonomi dibentuk, ia mengumpul dan menjadikan banyak negara bertindak

sebagai sebuah negara," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan dan menyampaikan anugerah Pasukan Polis Diraja 91 di sini hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jika negara mahu menjual sesuatu barangan ke negara EC, keputusan akan ditetapkan oleh semua anggota.

Mengenai pewujudan zon dagangan bebas yang diputuskan Asean di sini baru-baru ini, beliau berkata, ia lambat lagi wujud iaitu selepas jangkamasa 15 tahun dari sekarang, sedangkan pasaran tunggal Eropah bermula Januari ini.

Perdana Menteri yang akan melawat Jepun" mulai 18 hingga 29 Disember ini, dijangka menemui Perdana Menteri Jepun, Encik K Miyazawa dan ahli perniagaan negara itu, berkata:

"Saya akan menerangkan konsep Perundingan Ekonomi Ekonomi Asia Timur (EAEC) jika perlu. Saya tidak akan memaksa sesiapa menerima pandangan kita mengenai kumpulan itu tetapi hanya menekankan bahawa usaha mewujudkannya akan diteruskan," katanya.

Mengenai saranan Jepun supaya EAEC bergabung dengan Persidangan

Ekonomi Asia Pasifik (Apec), beliau berkata ia tidak mungkin kerana anggota Apec termasuk Amerika Syarikat dan Kanada, juga anggota Nafta.

"Tentu tidak sesuai bagi Amerika dan Kanada menyertai EAEC, begitu juga tidak mungkin kedua-dua negara itu menyertai EC kerana ia bukan daripada benua Eropah, walaupun ada persamaan di segi geografi dan kebudayaannya," kata beliau.

Menurutnya, tujuan utamanya ke Jepun ialah untuk merasmikan bangunan baru Kedutaan Malaysia dan tempat penginapan pegawainya di sana.

Selain itu, beliau akan

ke Iota, Jepun bagi melihat konsep industrinya bagi dijadikan contoh untuk dilaksanakan di Kedah.

Mengenai kemungkinan menerima Vietnam sebagai rakan dialog Asean dalam sidang puncak pertubuhan itu awal tahun depan, beliau berkata, perkara itu boleh dibincangkan dan Malaysia sentiasa menyokongnya.

"Malaysia sedia membantu Kemboja memulihkan ekonominya, termasuk menerusi Program Kerjasama Teknikal, kerana kita percaya jiran yang miskin tidak mendatangkan manfaat kepada jiran yang lain," katanya.